

# Minat membaca **perlu dipupuk** sejak usia muda

Oleh JOHN TAMBANAN

25.4.2018 A3

KOTA KINABALU: Ilmu pengetahuan diperolehi melalui pembacaan yang dapat mengawal pemikiran membentuk martabat sesuatu bangsa dan negara.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid berkata, bangun atau jatuhnya sesuatu bangsa itu adalah terletak pada kebijaksanaan bangsa itu sendiri.

"Budaya minat membaca memanglah perlu dipupuk sejak usia muda bermula dari sesebuah institusi keluarga.

"Namun, bahan bacaan yang bagaimana kita hidangkan kepada anak kita? Di sinilah, satu penamaan yang saya nampak dalam usaha sama iaitu persamaan 'produk' yakni buku," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan Program Jom Membaca Bersama 10 Minit Peringkat Negeri Sabah dan penutupan Festival Penulis Sabah Ke-7, bertempat di ibu pejabat Perpustakaan Negeri Sabah, di sini pada Selasa.

Teks ucapan beliau disampaikan

oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Janet Chee.

Turut hadir, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri merangkap Pengerusi Majlis Bahasa dan Sastera yang juga Penaung Badan Bahasa dan Sastera Sabah (Bahasa) Datuk Ariffin Mohd Arif, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah Wong Vui Yin dan Presiden Datuk Jasni Matlani.

Program Jom Membaca Bersama 10 Minit adalah inisiatif oleh Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia dimulakan sejak 2014 dengan konsep berhenti sebentar dan membaca bersama 10 minit.

Objektif program adalah sebagai usaha ke arah membudayakan sikap membaca dalam kalangan masyarakat di samping melahirkan generasi muda yang memcintai ilmu, berakhhlak mulia, mentaati agama dan berkemahiran tinggi.

Dengan harapan, rintisan 10 minit itu akan mencetus minit-minit seterusnya kepada pembudayaan amalan

membaca.

Jainab berkata, bagi tahun 2017, di peringkat sekolah, SJKC Chun Hwa Kota Kinabalu mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu 2,128 pelajar manakala SMK Sanzac mencatat 1,867 penyertaan.

"Adalah diharapkan tahun ini penyertaan akan terus meningkat," katanya.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perpustakaan Negeri Sabah dan semua Ahli Jawatankuasa Induk Program Jom Baca 2018 yang terdiri daripada Perpustakaan Negeri Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Jabatan Pertanian Sabah, Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Politeknik Kota Kinabalu, Sidma College Sabah, INTI College Sabah, Institut Aminudin Bakri, Institut Perguruan Gaya, Institut Perguruan Kent, Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd Fuad Stephens dan juga Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah.

Pada tahun ini, Perpustakaan Negeri Sabah berkolaboratif dengan Bahasa.



JANET (tengah) bersama Ariffin, Wong dan Jasni membaca buku selama 10 minit bagi menjayakan majlis itu.